

31/03/1997

Membangunkan ekonomi ummah

Meor Hisham Zulkifli

AJARAN Islam menuntut umatnya bekerja dan berusaha mencari kesenangan. Langkah itu dapat membebaskan umat daripada belenggu kemiskinan dan kefakiran manakala golongan berkemampuan dituntut membantu mereka yang daif.

Penubuhan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) bertepatan dan bersesuaian memenuhi tuntutan itu. Objektif utama ialah menangani persoalan masyarakat secara realistik, bersepadu, strategik dan profesional melalui usaha meningkatkan taraf sosioekonomi, mengukuh tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan dan membangunkan institusi Islam.

Selain itu, ia bertujuan menghidupkan budaya amal jariah secara menyediakan prasarana bagi melaksanakan sadaqatul jariah melalui pengurusan moden dan meneroka peluang strategik dan berpotensi serta mengambil bahagian proaktif dalam aktiviti pelaburan.

Pendapatan yang diperolehi dilaburkan untuk mengembangkan aset YPEIM. Sumber itu juga digunakan bagi melaksanakan pelbagai aktiviti bertujuan membela serta membangunkan ummah.

Penubuhan YPEIM pada 13 Oktober 1976, banyak membantu masyarakat Islam meningkatkan keupayaan mencapai tahap lebih baik dalam pelbagai aspek kehidupan.

Organisasi itu disusun semula dan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 20 Julai 1984 atas perakuan Badan Perunding Islam yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Fungsi utama badan itu adalah sebagai institusi pembangunan ekonomi Islam dengan falsafah perjuangan berteraskan amal jariah melalui penyempurnaan tanggungjawab sosial.

Program yang dilaksanakan terbahagi kepada tiga iaitu program asasi, pengukuhan amalan sadaqatul jariah dan pengukuhan kekuatan ekonomi.

Program asasi untuk meningkat taraf sosioekonomi ummah, program mengukuh tradisi keilmuan, memantapkan kebajikan ummah dan membangun institusi Islam. Program pengukuhan amalan sadaqatul jariah ialah skim potongan gaji, resit amal jariah, Tabung Pembasmian Kemiskinan dan skim pembangunan wakaf nasional.

Selain itu, antara program pengukuhan asas ekonomi melalui pelaburan ekuiti, portfolio saham, pembiayaan bersendiket, pelaburan dan hartanah.

Ketua Pengarahnya, Abdul Malek Awang Kechil, berkata melalui program itu termasuk dibiayai YPEIM, sebahagian besar masyarakat negara mendapat manfaat. Antara program itu ialah membangun ekonomi masyarakat miskin dan berpendapatan rendah. Lebih 200,000 keluarga mendapat faedah manakala menerusi skim ar-rahn lebih 150,000 pelanggan mendapat faedah.

Dalam bentuk sumbangan pula lebih RM65.9 juta dibelanjakan untuk membiayai program amal jariah dan asasi. Bagaimanapun tidak semua program boleh diukur melalui kuantiti.

Sehubungan itu, YPEIM berharap mendapat bantuan kewangan lebih besar untuk meneruskan pelbagai program yang berjaya bagi mengembangkan yang berdaya saing dan meneroka bidang baru. Antara program yang berjaya ialah Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI), Skim Usaha Niaga Perintis, Skim Ar-rahn (SAR) dan program pembangunan institusi Islam.

Program yang berdaya maju pula adalah Skim Amanah Niaga Bandar (SNB), program pembangunan minda dan program penyebaran risalah Islam. YPEIM juga akan meneroka program baru seperti pembangunan usahawan dan pembangunan ilmu pengurusan Islam.

Sehubungan itu, bagi menjayakan pelbagai program yang disusun, YPEIM memerlukan dana menerusi rancangan pengembangan dan perluasan program yang dikenal pasti. Tahun ini umpamanya, YPEIM memerlukan RM60 juta manakala bagi 1997 hingga 2001, RM300 juta diperlukan. Dana itu dijangka diperolehi daripada skim korporat penyayang (SKP) yang akan dilancarkan pada 8 April ini oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Melalui skim itu, dijangka pada tahun ini, RM20 juta mampu dipungut dan bagi tempoh hingga 2001, RM100 juta diperlukan.

Selain itu, YPEIM akan mendapat sumber lain berjumlah RM200 juta bagi tempoh 1997 hingga 2001.

Menurut Abdul Malek, SKP adalah program baru yang akan dilancarkan sebagai saluran beramal jariah atau pelaksanaan tanggungjawab sosial menerusi YPEIM. Skim ini adalah sebagai pelengkap kepada skim-skim yang dianjurkan oleh YPEIM, khususnya Skim Sumbangan Bulanan melalui Potongan Gaji. Skim potongan gaji menekankan penyertaan minimum RM1 sementara SKP pula, menekankan penyertaan tokoh dan badan korporat melalui penajaan atau bantuan secara tetap untuk jumlah tertentu bagi menaja atau membiayai program YPEIM.

Antara keistimewaan SKP sebagai saluran atau infrastruktur kepada tokoh dan badan korporat membiayai program YPEIM yang terbukti berkesan dan berdaya maju. Semua program YPEIM dirancang dengan teliti dan kajian khusus mengenainya dijalankan terlebih dulu yang membabitkan ahli akademik Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

"Selepas kajian keberkesanan dijalankan, kita menjalankan projek perintis sebelum program itu dilaksanakan secara besar-besaran. Oleh itu aktiviti kita bukan bersifat ad-hoc dan berjalan secara berterusan.

"Selain itu, liputan program adalah meluas meliputi penduduk luar bandar dan intelektual bagi memastikan penyertaan sektor korporat dalam program yang dianjurkan tidak mendatangkan kerugian," katanya.

Kemudahan lain yang diperolehi oleh sektor korporat adalah mendapat pelepasan cukai pendapatan dan nama mereka akan dipamerkan pada papan tanda projek bersesuaian.

Menurutnya, YPEIM meletakkan sasaran RM10 juta pada hari pelancaran dan sehingga kini beberapa syarikat yang menyatakan komitmen untuk menyumbang. Lebih memberangsangkan ada syarikat bukan Islam berhasrat menyumbang lebih RM2 juta.

YPEIM mengeluarkan surat edaran merayu kepada syarikat seluruh negara memberi bantuan dalam usaha melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dan berharap pihak terbabit tampil memberi sumbangan.

(END)